

RHINATHIOL[®] 5% ADULT EXPECTORANT SYRUP

Carbocisteine (5gm/ 100ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Rhinathiol
2. Bagaimana Rhinathiol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Rhinathiol
4. Cara menggunakan Rhinathiol
5. Semasa menggunakan Rhinathiol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Rhinathiol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Rhinathiol

Sirap Rhinathiol 5% Adult Expectorant adalah untuk kegunaan orang dewasa (lebih daripada 15 tahun), sekiranya berlaku penyakit pernafasan baru-baru ini dengan kesukaran mengeluarkan kahak (kesukaran membersihkan rembesan bronkial melalui kahak).

Bagaimana Rhinathiol berfungsi

Rhinathiol tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil *mucolytics*. Ia mengandungi bahan aktif yang dipanggil *carbocisteine*. Rhinathiol mencairkan rembesan bronkial (lendir) dan menjadikan ia lebih mudah dibatuk keluar.

Sebelum menggunakan

Rhinathiol

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Rhinathiol jika:

- Anda alergi kepada *carbocisteine* atau mana-mana bahan lain (khususnya *methyl parahydroxybenzoate*) yang disenaraikan di bahagian hujung risalah ini.
- Anda mempunyai ulser perut

atau usus.

Jangan bagi Rhinathiol kepada kanak-kanak yang berusia di bawah 15 tahun.k.

- Sebelum

mulamenggunakan

Rhinathiol

Anda tidak boleh menggunakan ubat- ubatan yang mencegah batuk (*cough suppressants*) atau yang mengeringkan

rembesan bronkial apabila mengambil Rhinathiol. Ini kerana Rhinathiol mencairkan rembesan, dan menjadikannya lebih mudah untuk dibatuk keluar. Batuk adalah mekanisme yang berguna untuk mengeluarkan lendir (*expectoration*).

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Rhinathiol:

- Jika rembesan bronkial anda tebal dan kahak mengandungi nanah (*purulent*); atau jika anda demam.
- Jika anda mengalami penyakit bronkial atau paru-paru kronik (jangka masa panjang).
- Jika anda mempunyai sejarah ulser gastroduodenal (menjejaskan perut atau usus).
- Jika anda warga tua.
- Jika anda juga mengambil ubat- ubatan yang mungkin menyebabkan pendarahan diperut atau usus. Rawatan dengan ubat- ubatan ini perlu dihentikan. Jika pendarahan berlaku di perut atau usus, disyorkan supaya rawatan dihentikan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubatan

yang diperoleh tanpa preskripsi.

Ubat-ubatan lain dan

RHINATHIOL

EXPECTORANT

CARBOCISTEINE 5% ADULT

EXPECTORANT

Ubat ini mengandungi carbocisteine. Ubat lain juga mengandungi carbocisteine. Jangan gabungkan kedua-dua jenis ubat yang sama supaya tidak melebihi dos maksimum yang disyorkan (lihat Dos/Kaedah Pentadbiran).

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil, baru-baru ini mengambil atau mungkin mengambil sebarang ubat lain.

RHINATHIOL EXPECTORANT

CARBOCISTEINE 5% ADULT

EXPECTORANT SYRUP

dengan makanan, minuman dan alcohol. Ambil kira dengan kandungan alcohol.

Kombinasi yang perlu diambil kira kerana kandungan alcohol produk ubat ini:

- Ubat-ubat yang menyebabkan reaksi *antibuse* dengan alcohol (sensasi haba, kemerahan, muntah, denyutan jantung pantas):
 - Disulfiram (untuk rawatan alkoholisme kronik)
 - *Cefamandole*, *cefoperazone*, *latamoxef*, *chloramphenicol*, *metronidazole*, *ornidazole*, *secnidazole*, *tinidazole* (antibiotik)
 - *Chlorpropamide*, *glibenclamide*, *glipizide*, *tolbutamide* (untuk rawatan kencing manis)
 - *Griseofulvin*, *ketoconazole* (agen anti-kulat)
 - *Procarbazine* (untuk rawatan kanser tertentu)
- Ubatan penekanan sistem saraf pusat (*central nervous system*)

depressants)

Cara menggunakan

Rhinathiol Sentiasa ambil Rhinathiol seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Ubat ini harus diambil melalui mulut. Bilas cawan pengukur dengan teliti selepas setiap penggunaan. Pasangkan penutup pada botol dengan berhati-hati selepas digunakan.

- Berapa banyak harus digunakan Untuk kegunaan orang dewasa (lebih daripada 15 tahun) sahaja:

- 1 cawan pengukur pada pagi, tengah hari dan malam, tanpa makanan, dan tanpa melebihi 3 cawan pengukur setiap hari.
- 1 cup pengukur = 15 ml = 750 mg *carbocisteine*.

- Bila perlu digunakan

Ambil Rhinathiol pada pagi, tengah hari dan malam, tanpa makanan.

Jika anda tidak pasti, bertanya kepada doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Waktu rawatan perlu ringkas. Jangan melebihi 5 hari rawatan tanpa nasihat perubatan.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan mengambil dos berganda untuk mengganti dos yang terlupa.

- Jika mengguna

berlebihan (terlebih dos)

Hentikan rawatan dan hubungi doktor atau ahli farmasi dengan segera.

Semasa menggunakan Rhinathiol

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa ambil ubat ini seperti yang dinyatakan dalam risalah ini atau yang diberitahu oleh

doktor atau ahli farmasi anda.

Anda mesti berbincang dengan doktor jika anda tidak berasa lebih baik atau jika anda berasa lebih teruk.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama.

Jangan gunakan ubat ini untuk merawat sebarang isu lain kecuali jika diberitahu oleh doktor anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Penggunaan ubat ini adalah berbahaya kepada orang yang ketagihan alkohol (*alcoholics*) dan kandungan alkohol ini harus diambil kira untuk wanita mengandung atau menyusu dan populasi berisiko tinggi seperti pesakit dengan kegagalan hati atau epilepsi.

Pesakit dengan keadaan keturunan jarang intoleransi fruktosa (*fructose intolerance*), sindrom malabsorpsi glukosa dan galaktosa (*glucose-galactose malabsorption*) atau kekurangan *sucrase-isomaltase* tidak harus mengambil ubat ini.

Ubat ini mengandungi 6 g sukrosa (gula) setiap 15 ml sirap. Ini harus diambil kira dalam kalangan pesakit yang mengikuti diet rendah gula atau mempunyai diabetes mellitus.

Ubat ini mengandungi natrium. Ubat ini mengandungi 97 mg natrium bagi setiap 15 ml sirap. Ini harus diambil kira jika anda mengikuti diet rendah natrium.

Ubat ini mengandungi *methyl parahydroxybenzoate* (E218) dan boleh menyebabkan reaksi alergi.

Ubat ini mengandungi 203 mg alkohol (etanol) setiap 15 mL cawan penyukat sirap, yang bersamaan dengan 13.53 mg/mL (1.35% w/v). Jumlah alkohol dalam 15 mL ubat ini adalah bersamaan dengan 4.99 mL bir atau 1.99 mL wain.

Sebilangan kecil alkohol dalam ubat ini tidak akan mempunyai sebarang kesan yang ketara.

Penggunaan ubat ini berbahaya dalam subjek alkohol dan penggunaan mesti dipertimbangkan dengan teliti dalam wanita hamil atau menyusu dan kumpulan berisiko tinggi seperti pesakit yang mengalami gangguan hepatic atau epilepsi.

Kehamilan dan menyusu anak

Sekiranya anda hamil atau menyusu, fikir anda mungkin mengandung atau sedang merancang untuk mempunyai bayi, bincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat ini.

Kehamilan

Tiada data yang tersedia berkenaan penggunaan *carbocisteine* pada wanita hamil.

Sekiranya anda hamil, penggunaan *carbocisteine* tidak disyorkan.

Ubat ini hanya boleh digunakan semasa kehamilan atas nasihat doktor anda.

Jika anda mendapati bahawa anda mengandung semasa rawatan, berbincang dengan doktor anda. Hanya doktor anda boleh menentukan sama ada anda perlu meneruskan rawatan.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil apa-apa ubat.

Menyusu

Tiada data yang tersedia berkenaan kehadiran *carbocisteine* pada susu manusia.

Menyusu anak anda tidak disyorkan jika anda mengambil ubat ini.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil apa-apa ubat.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Rhinathiol

boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.

- Gangguan sistem pencernaan seperti sakit perut, mual, muntah dan cirit-birit. Jika ini berlaku, dos perlu dikurangkan.
- Ketidakselesaan epigastrik (sakit di bahagian atas abdomen).
- Pendarahan dalam perut atau usus. Rawatan perlu dihentikan
- Tindak balas alahan pada kulit dan reaksi *anaphylactic* seperti gatal-gatal, penampilan plak atau bintik pada kulit, dan kebengkakan muka dan/ atau leher yang boleh mengakibatkan kesukaran bernafas dan mengancam nyawa (*angioedema*). Dalam kes ini, anda perlu menghentikan rawatan dan berjumpa dengan doktor anda dengan segera

Ruam tetap (fixed rash of drug origin) (tindak balas alahan kulit yang berulang di bahagian badan yang sama selepas terdedah kepada ubat itu semula), menyebabkan tompok coklat atau keunguan yang mungkin meninggalkan warna pada kulit. Dalam kes ini, anda perlu berjumpa dengan doktor anda dengan segera.

- Penampilan bintik-bintik, kadang-kadang dengan lepuh, pada kulit yang juga boleh menjejaskan mulut (*erythema multiforme*), penampilan lepuh dengan gejala teruk kulit (*detachment of the skin*) yang boleh menyebar ke seluruh tubuh dan mungkin mengancam nyawa (*Stevens-Johnson syndrome*)

Sekiranya anda memerhatikan

apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, atau jika anda mempunyai kesansampingan yang serius, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Rhinathiol boleh menyebabkan alergi teruk dan tindak balas kulit yang serius. Berhenti menggunakan Rhinathiol dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami mana-mana gejala berikut:

- Alergi yang teruk: kesukaran bernafas, pening kepala, pembengkakan kulit atau ruam.
- Reaksi kulit yang teruk: kulit kemerahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Rhinathiol

- Penyimpanan

Jauhi ubat ini daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak.

Jangan simpan di atas 25 °C.

- Pelupusan

Jangan buang ubat-ubatan melalui sisa buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana membuang ubat yang tidak digunakan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna ubat

Sirap warna oren dengan bau dan rasa rum dan kayu manis. Ia boleh didapati dalam botol 125 ml dan dilengkapi dengan cawan pengukur 15 ml.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Satu cawan pengukur (15 ml) mengandungi 750 mg *carbocisteine*.

- Bahan tidak aktif

Sucrose, methyl parahydroxybenzoate (E218), pewarna karamel (E150), minyak kayu manis, elixir aromatik (mengandungi alcohol), sodium hydroxide, purified water.

- Nombor MAL

Rhinathiol 5% Adult
Expectorant Syrup
MAL19910983XC

Pengilang

Unither Liquid Manufacturing 1-3
allée de la Neste
Z.I. d'En Sigal
31770 Colomiers, France.

Pemegang Pendaftaran Produk

DKSH Malaysia Sdn Bhd
B-11-01, The Ascent, Paradigm,
No. 1, Jalan SS7/26A, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini

16/06/2025 (berdasarkan FR PIL
Jun 2023)

Nombor siri

NPRA(R2/2)240408/1246